



KENANGAN ... Nora (berbaju merah) bergambar kenangan dengan para pemenang.

Pusat perkembangan kanak-kanak UMS anjur program perkhemahan 2012

AKST 16.03.2012 //

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Perkembangan Kanak-kanak (PKK), Jabatan Pendaftar buat julung-julung kalinya mengadakan Program Perkhemahan Kanak-kanak 2012 bertempat di Perkarangan Pusat Perkembangan Kanak-kanak UMS, Kingfisher yang bermula dari 12 hingga 14 Mac yang lalu.

Bertemakan "Anak Cemerlang Keluarga Bahagia", program ini diharapkan dapat menjadi platform dalam membantu kanak-kanak untuk lebih memahirkan dan mempersiapkan diri menghadapi cabaran-cabaran kehidupan sehari-hari.

Di samping itu, program ini juga merupakan program pengisian masa percutian semester persekolahan bagi sekolah Tadika dan Sekolah Rendah. Perkhemahan ini telah dis-

ertai oleh anak-anak kakitangan UMS.

Majlis perasmian dan penutupan Program ini telah disempurnakan oleh Pendaftar UMs Mejari (K), Datuk Abdullah Hj. Mohd Said.

Berucap pada majlis itu beliau berkata Program perkhemahan ini adalah baik dalam membantu kanak-kanak untuk belajar berdikari dan melahirkan rasa setiaawan serta kerjasama di kalangan mereka.

"Saya memohon agar ibu bapa dapat memberikan sokongan yang padu kepada Pusat Pekembangan Kanak-kanak ini." Kata Abdullah.

Simbolik perasmian ini adalah acara memotong kek oleh Abdullah dan isteri Datin Nora Haji Bongsu, Rohani Abdullah (Penasihat Program), Alna Tugon dan Jaini Sapirai (Pengarah Program).



CENDERAHATI... Abdullah (kiri) menerima cendera kenangan pada majlis itu.



PERSEMBAHAN persembahan oleh para peserta yang menyertai perkhemahan itu.

Setiausaha Program Perkhemahan ini Puan Zaleha Abd Ghani, berkata; "Program ini merupakan kali pertama diadakan dan pelbagai acara lagi bakal dilaksanakan sepanjang tahun ini antaranya Pertandingan Fesyen 1Malaysia (Sumazau), persembahan fesyen dan nyanyian.

Majlis perasmian dan penutupan program ini telah diserikan lagi dengan beberapa acara yang melibatkan peserta program perkhemahan ini iaitu persembahan tarian etnik Sabah (Sumazau), persembahan fesyen dan nyanyian.